



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Tarikh Dibaca :

**9 SAFAR 1443H/
17 SEPTEMBER 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA****17 SEPTEMBER 2021 / 9 SAFAR 1443H**

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿۱﴾ وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ

تُرْهَبُونَ بِهِ. عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا نَعْلَمُونَهُمْ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا

تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿۶۰﴾ الأنفال: ۶۰

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin mengingatkan diri sendiri dan menyeru sidang jemaah sekalian untuk sama-sama kita mengukuhkan keimanan dan meningkatkan ketakwaan dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya dan beruntung di dunia dan di akhirat. Bagi mengenang jasa dan pengorbanan para tentera darat, laut dan udara, dan bersempena ulang tahun ke-88

penubuhan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), khutbah pada hari ini bertajuk: **“Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama”**.

Khatib juga ingin mengingatkan untuk kita terus berdisiplin mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19. Jagalah kesihatan dan keselamatan diri dan keluarga. Kelonggaran yang telah diberikan bukan bermaksud kita sudah bebas dari wabak. Ingatlah bahawa kita masih lagi berjuang untuk mengeluarkan negara dari kemelut pandemik Covid-19 dengan selamat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Walaupun pandemik Covid-19 masih mencengkam negara, namun kita tetap perlu bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana tanah air yang dicintai ini masih kekal aman dan sentosa. Kemerdekaan yang disambut pada 31 Ogos, serta keamanan yang dikecapi pada hari ini bukanlah sesuatu yang mudah diraih, melainkan ia datang bersama darah dan air mata serta kehilangan nyawa.

Negara dan tanah air ini merupakan harta warisan dan khazanah peninggalan nenek moyang kita semua. Ia juga merupakan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk dijaga dengan sebaiknya. Lipatan sejarah telah memperlihatkan kepada kita perwira-perwira yang mempertahankan tanah air dari sebarang anasir yang ingin menakluk dan menjajah negara ini. Bermula dengan Portugis, Belanda, British dan Jepun, banyak nama pejuang dan pahlawan yang tercatat seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut, Abdul Rahman Limbong dan lain-lain lagi. Kesemua mereka telah mempertaruhkan jiwa dan raga mereka memelihara kedaulatan negara ini dari penjajah.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pengorbanan yang telah dan sedang mereka curahkan memang begitu hebat. Mereka mempertaruhkan nyawa demi memastikan keamanan dan keselamatan negara terpelihara. Mereka juga memastikan bahawa sempadan negara tidak dibolosi oleh penceroboh-penceroboh. Mereka juga meninggalkan keluarga tersayang untuk mencurahkan bakti kepada negara. Maka, seharusnya kita menghargai dan berterima kasih atas pengorbanan mereka yang tidak

ternilai dengan wang ringgit ini. Mereka inilah golongan yang disebutkan dalam al-Quran bahawa darjat mereka diangkat kerana pengorbanan harta dan jiwa yang mereka curahkan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisaa' ayat 95:

﴿لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ

فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ وَفَضَّلَ اللَّهُ

الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

Maksudnya: “Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman - selain daripada orang-orang yang ada keuzuran - dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat. Dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan dengan balasan yang baik (Syurga), dan Allah melebihkan orang-orang yang berjuang atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tidak ada sesuatu uzur) dengan pahala yang amat besar”.

Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

رِبَاطُ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ شَهْرٍ وَقِيَامِهِ، وَإِنْ مَاتَ جَرَى عَلَيْهِ عَمَلُهُ الَّذِي كَانَ يَعْمَلُهُ، وَأُجْرِي عَلَيْهِ رِزْقُهُ، وَأَمِنَ الْفِتَانَ.

Maksudnya: “Ribath (menjaga perbatasan wilayah Islam dari serangan musuh-musuh Islam) sehari semalam lebih baik daripada puasa sunat sebulan penuh, dan jika seorang murabith (penjaga itu) mati ketika dia melakukan ribath, maka amal perbuatannya itu akan

terus berpahala dan dia diberikan rezekinya di syurga kelak, serta tidak ditanya di dalam kubur (oleh Malaikat Munkar dan Nakir)". (Hadis riwayat Imam Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Al-Quran telah menjelaskan bahawa umat Islam merupakan umat yang dipilih dan diamanahkan dengan jihad. Jihad yang dimaksudkan bukanlah jihad dengan peperangan semata-mata. Inilah suatu persepsi dan kefahaman yang perlu diperbetulkan. Maksud jihad yang sebenar adalah lebih luas dan bukan hanya tertumpu pada erti peperangan. Ia juga merangkumi jihad dalam bidang pendidikan, ekonomi, dan lain-lain lagi. Tanggungjawab dan kewajipan jihad yang telah diamanahkan ini kemudiannya perlu disempurnakan dengan perancangan yang rapi dalam pelbagai perkara. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal ayat 60 yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya".

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kini, dalam keadaan negara sudah merdeka, kita juga hakikatnya sedang berjuang dan berkorban untuk negara. Setiap titik peluh kita yang berkhidmat dalam apa jua bidang juga merupakan bentuk tanggungjawab dan sumbangan kepada kedaulatan dan pembangunan negara. Tanggungjawab memelihara kedaulatan dan keselamatan negara bukanlah terletak pada anggota tentera atau petugas keselamatan semata-mata. Bahkan setiap rakyat yang tinggal dalam negara ini wajib memelihara dan mempertahankannya dengan segala bentuk usaha dan bidang. Semua rakyat juga perlu bergandingan dalam usaha mengekalkan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan negara yang dimiliki ketika ini. Kesefahaman dan kesepaduan dalam kalangan rakyat jualah yang menjadi faktor penting kejayaan dan kesejahteraan negara dapat dicapai dan dipelihara seiring dengan persediaan dan kemantapan Angkatan Tentera Malaysia.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa pesanan, iaitu;

Pertama: Tanah air yang aman dan sejahtera ini merupakan peninggalan nenek moyang kita dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk kita memelihara dan mempertahankannya.

Kedua: Allah SWT meninggikan darjat bagi orang-orang yang berjuang dan berkorban harta dan nyawa demi mempertahankan kedaulatan sesebuah negara.

Ketiga: Seluruh rakyat turut sama bertanggungjawab dan perlu bergandingan dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara dari dirobek oleh sebarang anasir.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 111:

﴿ إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِآتٍ لَهُمُ الْجَنَّةِ ۚ

يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدَا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ

وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ ۚ وَذَلِكَ

هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿۱۱۱﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh Syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan Syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar*”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا
سَرِي قَدُوكْ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتْوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ
شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي بِيغِ مَهَا مُوَلِيَا سِرِي قُدُوكِ بِكِينِدَا رَاچِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغِ،
تُونُكُو (Tunku) حَاچِه عَزِيْزَةُ اَمِيْنَةُ مِيْمُوْنَةُ اِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكَّلِ عَلٰى
اللّٰهُ سُلْطَانِ اِسْكَنْدَرِ الْحَاچِ.

اللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهٗ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِيْنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،
وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِيْ كَلِمَتِكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

اللّٰهُمَّ اِدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ .
اللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْاَسْقَامِ، يَا اَرْحَمَ
الرَّاحِمِيْنَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا اٰتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللّٰهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.